

SKK Ranca-Ranca mendapat Anugerah Emas Kategori Regular (Rookie) Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) Peringkat Negeri W.P Labuan



LABUAN, 24 Ogos – Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) SK Ranca-Ranca mendapat Anugerah Emas Kategori Regular (Rookie) Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) Peringkat Negeri W.P Labuan kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Sasbadi Holdings Berhad yang telah diadakan pada 24 Ogos 2019 bertempat di Dewan Konvensyen Kompleks Ujana Kewangan.

Dengan kejayaan itu, SKK SK Ranche-Ranche membawa pulang plak, sijil dan pingat emas bagi setiap peserta. Peserta ialah Luqman Hafiz bin Abd Ghaffar, Adi Zackwan bin Zanki Maududi dan Muhammad Haikal bin Asmadi. Jurulatih dan guru pengiring ialah Encik Heveldy bin Morudin dan Puan Setia Pautas.



Guru besar SKK SK Ranche-Ranche, Puan Norinnie binti Kassim mengucapkan tahniah atas kejayaan pasukan itu dan berharap agar terus berjaya dalam pertandingan yang akan datang.

Penutupan dan majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Encik Jaafar bin Hj Matusin, Ketua Unit Kokurikulum,

Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan JPN W.P Labuan.
Turut hadir Encik Aminuddin bin Abd Malek, dari JPN W.P
Labuan dan Ustaz Abdul Kahar bin Abdul Rahim, PK Ko-
kurikulum SK Sg Lada.